

13 JUL 1996
Mohamed-Umno
UMNO TERBIT BUKU SEMPENA ULANGTAHUN KE-50

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Ibupejabat Umno sedang berusaha menerbitkan beberapa buku mengenai sejarah dan perkembangan parti itu sempena ulangtahunnya ke-50, kata setiausaha agung Umno Datuk Mohamed Rahmat hari ini.

Beliau berkata buku-buku itu boleh menjadi rujukan kepada orang ramai terutama generasi muda serta rakyat asing yang berminat mengetahui mengenai Umno yang genap 50 tahun pada 11 Mei lepas.

"Selama ini tidak ada buku yang boleh dipakai secara sah tentang sejarah Umno walhal sejarah Umno merupakan sejarah bangsa dan negara," katanya kepada pemberita selepas meneliti lukisan-lukisan untuk penerbitan buku itu di sini.

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan, berkata Majlis Tertinggi Umno telah meminta bekas Ketua Pengarah Arkib Negara Datuk Zakiah Hanum menulis buku rasmi Umno manakala Sasterawan Negara Tan Sri A.Samad Ismail pula diminta menulis buku mengenai sejarah Umno dari awal hingga sekarang.

Buku ketiga yang akan diterbitkan berbentuk buku bergambar yang turut memuatkan lukisan-lukisan mengenai sejarah perjuangan parti oleh pelukis Ismail Embong.

Untuk memudahkan pembaca menghayati gambar dan lukisan-lukisan itu, Mohamed berkata tulisan mengenainya akan juga disertakan.

Selain itu, katanya, sebuah buku mengandungi ucapan-ucapan Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan juga diterbitkan dalam bahasa Inggeris untuk memenuhi permintaan masyarakat antarabangsa.

"Umno kini semakin dikenali di dunia dan banyak orang luar yang hendak tahu mengenai Umno tetapi kita tidak cukup bahan bacaan dalam bahasa Inggeris," katanya.

Beliau berharap kesemua buku itu dapat dilancarkan September ini.

-- BERNAMA

AZZ AKD